

Pertandingan Video Brunei Bersih

#KomunitiBruneiBersih

Section 1. Keterangan

Pertandingan Video Brunei Bersih #KomunitiBruneiBersih adalah inisiatif oleh **Jawatankuasa Induk Isu Kebersihan (JIIK)** dengan kerjasama **Kumpulan Petindak Stakeholders' Awareness & Stewardship (TFSAS)** bagi menggalakkan kebersihan serta tanggungjawab terhadap alam sekitar di Brunei Darussalam.

Tema kali ini ialah #KomunitiBruneiBersih, yang memfokuskan kepada kepentingan amalan pengurusan sisa yang baik di rumah atau di kampung (sebagai satu komuniti) bagi memastikan persekitaran rumah dan kawasan persekitaran yang bersih.

Sertai pertandingan ini dengan menghasilkan video **berdurasi 60 saat** yang kreatif dan bermakna untuk menyebarkan mesej penting ini.

Siapa boleh menyertai?

Dibukakan kepada **rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam** berumur yang berumur **18 tahun ke atas**.

Apa yang perlu anda lakukan?

Hasilkan video pendek berdasarkan tema #KomunitiBruneiBersih, dengan mesej menumpukan kepada **amalan pengurusan sisa/sampah terbaik** yang tidak terhad kepada contoh-contoh tersebut:

- Minyak masak terpakai hendaklah diletakkan di dalam botol yang selamat dan dihantar kepada syarikat kitar semula berdaftar di bawah JASTRe.
- Kawal porsi makanan untuk mengelakkan pembaziran makanan.
- Daripada membuang pakaian terpakai, pakaian boleh didermakan atau dikitar semula menjadi produk baharu bagi mengurangkan sisa tekstil.
- Gunakan beg guna semula semasa membeli barang di kedai serbaneka untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna.
- Mengadakan aktiviti bergotong-royong.
- Amalan-amalan terbaik lain yang boleh dilakukan oleh komuniti kampung untuk memastikan persekitaran sentiasa bersih.

Mengapa Sertai?

- Berpeluang untuk memenangi hadiah menarik.
- Menyumbang kepada gerakan "Whole of Nation Approach" bagi mencapai Negara Brunei Darussalam yang lebih bersih dan sihat.

TARIKH AKHIR PENYERAHAN VIDEO: Hari Sabtu, 18 April 2026 pada jam 11:59 malam

Section 2. Terma dan Syarat Penyertaan

Terma dan Syarat ("T&S") bagi Pertandingan Video Brunei Bersih *#KomunitiBruneiBersih* ("Pertandingan") ini, termasuk sebarang kemaskini atau pindaan yang ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Kerja Pertandingan Video ("Jawatankuasa Kerja") dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis, akan digunakan bagi pertandingan ini.

- a) Penyertaan adalah **percuma**.
- b) Pertandingan ini dibukakan kepada **orang ramai yang menetap di Negara Brunei Darussalam sahaja** (warganegara dan penduduk tetap), sama ada mengambil bahagian secara individu, berkumpulan atau syarikat.
- c) Pertandingan ini **tidak dibukakan** kepada individu-individu berikut:
 - i. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan ahli keluarga terdekat / serumah.
 - ii. Penerbit-penerbit profesional daripada *production house*, rakan kongsi yang terlibat secara langsung.
 - iii. Individu yang tidak menetap di Negara Brunei Darussalam.
- d) Penyertaan dalam pertandingan ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan.
- e) Setiap penyertaan dibolehkan menghantar **maksima tiga (3) video dengan mesej yang berlainan**. Setiap peserta hendaklah menyerahkan **satu (1) video dalam satu (1) borang penyertaan**.
- f) Peserta boleh menyertai pertandingan pada bila-bila masa **dalam tempoh 30 hari selepas ianya dibukakan**.

2.1 Spesifikasi Video

- a) Konsep video terbuka untuk **animasi, footage video ataupun gambar**.
- b) Corak video adalah bebas dan hendaklah **memfokuskan kepada kepentingan amalan pengurusan sisa/sampah yang baik** di rumah atau di kampung (**sebagai satu komuniti**) bagi memastikan persekitaran rumah dan kawasan persekitaran yang bersih.
- c) Durasi video: **Maksimum 60 saat termasuk "opening" dan "closing credit"**.
- d) Bahasa pengantar atau dialog: **Bahasa Melayu (Brunei / Standard) atau Bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Kesat adalah dilarang**.
- e) Format: Format video yang diterima ialah **format MPEG 4, AVI dan MOV** yang boleh dimuat turun melalui internet dan telefon pintar. Video hendaklah dalam **format landskap** yang disokong untuk penyiaran nasional (Radio Televisyen Brunei) untuk memastikan keserasian dan tontonan yang mudah.
- f) Resolusi: Video hendaklah dihasilkan dalam **definisi tinggi (HD)** dengan resolusi **1080p**. Resolusi yang lebih tinggi adalah digalakkan untuk kualiti visual yang lebih baik.

- g) Audio: Pastikan suara video **jelas dan mudah difahami**. Muzik latar belakang dan kesan bunyi, jika digunakan, mestilah **bebas royalti**. Alihan suara (*voice over*) adalah **dimestikan**.
- h) Sari kata: Sari kata hendaklah disertakan dengan **visual yang jelas dan mudah dibaca**. Jika video menggunakan dalam bahasa inggeris, sari kata mestilah dalam bahasa melayu, dan sebaliknya.
- i) Kandungan video (pakaian, jalan cerita) perlu selaras dengan **konsep Melayu Islam Beraja**. Hasil terbitan mestilah **TIDAK memaparkan isu-isu sensitif atau kontroversi** dari segi budaya, kaum, agama, politik, isu-isu perundangan dan perlembagaan negara. Kandungan video juga **tidak dibenarkan mempromosikan sebarang jenama serta tidak memaparkan logo atau nama syarikat**.
- j) Setiap video yang dihantar hendaklah **asli dan belum pernah dipertandingkan**. Pihak Jawatankuasa Kerja tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta video tersebut.
- k) Video hendaklah dimuat naik ke dalam **akaun peserta sendiri (disarankan untuk menggunakan Google Drive)** dan **pautan video tersebut hendaklah dikemukakan melalui laman sesawang <http://go.gov.bn/bbmod>**. Sila pastikan pautan boleh diakses dan dibenarkan untuk dimuat turun.

2.2 Penghakiman Video

- a) Keseluruhan video yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan seperti berikut:
 - i. **Ketulenan / keaslian (20%)**
 - ii. **Kreativiti (20%)**
 - iii. **Kualiti mesej yang disampaikan (30%)**
 - iv. **Penyuntingan (20%)**
 - v. **Menepati tema dan genre (10%)**
- b) Hanya **tiga (3) orang pemenang** akan dipilih bagi pertandingan ini.
- c) Pemenang bagi kategori **"Most Liked Video on Brunei Bersih Instagram"** adalah berdasarkan oleh **jumlah "likes" tertinggi orang ramai** di akaun Instagram Brunei Bersih.
- d) Keputusan panel hakim adalah **muktamad**.

2.3 Hadiah

PEMENANG PERTAMA: **BND \$500.00 dan sijil pencapaian**

PEMENANG KEDUA: **BND \$350.00 dan sijil pencapaian**

PEMENANG KETIGA: **BND \$150.00 dan sijil pencapaian**

SAGUHATI: **BND \$50.00 SEORANG (5 PEMENANG) dan sijil penyertaan**

PEMENANG "MOST LIKED ON INSTAGRAM": **BND \$100.00 dan sijil penyertaan**

****Nota: Sekiranya Pemenang telah meninggal dunia atau mengalami sebarang halangan, pihak Jawatankuasa Kerja akan membenarkan seorang wakil yang sah untuk mewakili Pemenang bagi mengambil hadiah. Wakil Pemenang hendaklah membawa salinan Kad Pengenalan Pemenang dan kad pengenalan salinan asli ("original copy") wakil.***

2.4 Pembatalan Penyertaan

Pihak Jawatankuasa Kerja berhak untuk mengeluarkan penyertaan, membatalkan kelayakan pemenang dan melucutkan (*forfeit*) sebarang hadiah jika:

- a. Tidak mengikut T&S penyertaan dan melanggar mana-mana peruntukkan T&S;
- b. Penyertaan tersebut mengandungi unsur lucah, fitnah, diskriminasi atau kandungan yang menyinggung perasaan mana-mana pihak;
- c. Peserta tidak dapat dihubungi atau gagal memberi maklum balas dalam satu minggu.
- d. Peserta telah melakukan sebarang tindakan penipuan atau ketidakjujuran, atau telah memutarbelitkan (*misrepresented*) apa-apa berkaitan dengan pertandingan;
- e. Maklumat yang diberikan adalah tidak sahih, tidak betul atau tidak lengkap;

Sekiranya pemenang dibatalkan, pihak Jawatankuasa Kerja berhak memilih pemenang lain mengikut kriteria asal.

2.5 Hak Intelektual Video

Semua idea video yang dihantar di bawah pertandingan ini akan menjadi hak intelektual bersama antara Pihak Jawatankuasa Kerja dan Pemenang. Pihak Jawatankuasa Kerja berhak membangunkan, menyesuaikan atau melaksanakan video tersebut secara bebas atau bersama Pemenang pada bila-bila masa bagi inisiatif alam sekitar yang akan datang.